

# Pertanian bukan langkah ke belakang

BH- 4/3/2006

## Kerajaan guna bioteknologi, ICT tambah hasil tani: PM

Oleh Wan Hazmir Bakar

**H**ULU LANGAT: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan, tumpuan kerajaan kepada sektor pertanian bukan satu langkah ke belakang, sebaliknya usaha menjadikan sektor itu sebagai sumber pendapatan baru kepada negara.

Perdana Menteri berkata, apa yang kerajaan akan lakukan dalam memajukan sektor itu bukan mengikut cara lama, sebaliknya menggunakan bioteknologi dan teknologi maklumat serta komunikasi (ICT) bagi menambah nilai hasil pertanian negara.

Katanya, kerajaan tidak melihat pertanian sebagai sektor yang mundur tetapi satu industri yang akan menjana pertumbuhan ekonomi negara serta memberi kemakmuran kepada rakyat selain mengurangkan import makanan.

"Orang tanya Pak Lah kenapa nak buat Kempen Buku Hijau kerana ia cerita lama, zaman Allahyarham Tun Abdul Razak. Mereka kata buat apa gosan (undur) sedangkan negara sedang membangun dalam industri dan ICT.

"Tanam bukan untuk makan sendiri atau sekadar jual di tepi jalan, tetapi untuk wujudkan perusahaan yang akan membawa kepada kemunculan sumber pendapatan baru atau tambahan," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap melancarkan kempen Buku Hijau Peringkat Kebangsaan di Taman Sri Nanding, di sini, semalam. Hadir sama, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo.

Kempen bertemakan 'Tanam, Ternak Guna Sendiri, Jimat Cermat Bina Ekonomi' itu bertujuan menggalakkan rakyat bercucuk tanam bagi mengeluarkan sendiri bahan makan harian sebagai langkah membendung kesan kenaikan harga makanan.

Pada majlis itu, Perdana Menteri dan tetamu juga menikmati hidangan ayam goreng sebagai simbolik menjayakan Kempen Memakan Ayam bagi menghapus kebimbangan



**HASIL TEKNOLOGI:** Abdullah menunjukkan ukuran saiz cili yang diterima daripada Muhyiddin ketika melancarkan Kempen Buku Hijau Peringkat Kebangsaan di Hulu Langat, semalam sambil diperhati Dr Mohamad Khir (kiri).

rakyat berikutan kes selesema burung yang dikesan baru-baru ini.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, perkembangan sektor pertanian akan membuka jalan

**“ Kerajaan tidak melihat pertanian sebagai sektor yang mundur tetapi satu industri yang akan menjana ekonomi negara”**

**Abdulah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

kepada kewujudan pelbagai industri asas tani dan pengusaha baru, khususnya di kalangan Bumiputera.

"Sekarang dengan adanya industri baru dalam bidang pertanian, iaitu industri asas tani, kita mampu menjadi pengeksport hasil pertanian," katanya.

Perdana Menteri berkata, hasil pertanian yang dianggap remeh seperti kerepek pun sebenarnya boleh dijadikan sumber pendapatan lumayan jika dibungkus dengan baik serta dipasarkan secara meluas.

Menjelaskan lebih lanjut manfaat Kempen Buku Hijau, Perdana Menteri berkata harga bahan makanan harian bukan saja dapat dikawal, malah diturunkan jika lebih ramai rakyat mengeluarkan sendiri keperluan harian mereka.

"Harga tidak akan naik bila ada

banyak sayur dan ikan sebaliknya ia mungkin turun," katanya.

Sementara itu, sambil menjelaskan tumpuan terhadap industri pertanian tidak akan menjejaskan dasar perindustrian negara, Perdana Menteri berkata, sektor itu dibangunkan pada mulanya bagi menggantikan import produk pembuatan.

Beliau berkata, sektor perindustrian kemudian diperkembangkan sehingga Malaysia pernah menjadi pengeksport utama produk pembuatan seperti mikrocip, televisyen dan peti sejuk.

Sehubungan itu katanya, pendekatan yang sama boleh diaplikasikan kepada usaha kerajaan meningkatkan pencapaian Malaysia dalam sektor pertanian sehingga ia menjadi satu segmen ekonomi yang penting.